



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN

**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**JEJAK 20 FEBRUARI 1956:
PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

12.15 TENGAH HARI

**DATARAN MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN,
MELAKA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

Salutasi terkini disediakan secara berasingan.

PENGHARGAAN

1. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kerana menjemput saya untuk merasmikan program **JEJAK 20 FEBRUARI 1956: PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**. Sebuah program yang pastinya mengimbau kita kepada peristiwa sejarah yang berlaku sebelum negara mencapai kemerdekaan.
2. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia kerana sentiasa komited mengetengahkan dan memartabatkan sejarah negara dengan menganjurkan program wacana ilmu yang saya kira sangat signifikan untuk disebarluaskan kepada masyarakat.
3. Sekalung penghargaan dan terima kasih buat barisan penceramah dan moderator kerana sudi menerima jemputan untuk berkongsi ilmu, pengalaman, kajian dan

pandangan dengan sidang hadirin yang ada di dataran bangunan bersejarah ini mahupun yang mengikuti secara penstriman langsung ArkibTV Youtube Channel dan Facebook Arkib Negara Malaysia. Saya yakin kehadiran saudara saudari semua merupakan gambaran manifestasi semangat patriotisme yang cukup tebal dalam jiwa.

MEMAKNAI KEMERDEKAAN NEGARA

Sidang hadirin yang saya hormati,

4. Saya pasti, semua warganegara Malaysia mengetahui tarikh keramat **31 Ogos 1957** merupakan tarikh kemerdekaan negara dan **16 September 1963** pula tarikh terbentuknya Malaysia. Kedua-duanya menjadi **titik permulaan kepada pembentukan negara yang bebas merdeka** tanpa ikatan belenggu penjajah. Namun, adakah seluruh lapisan warganegara ini menghayati dan memaknai kemerdekaan ini dengan sebenar-benar penghayatan?

5. Memaknai kemerdekaan bermaksud **memahami dan menghayati liku-liku sejarah dan perjuangan generasi terdahulu**. Pengorbanan dan kesukaran mereka berjuang meskipun tanpa titisan darah seharusnya sentiasa menjadi inspirasi kepada kita semua dalam memastikan

kemerdekaan ini kekal dan kehidupan masyarakatnya sentiasa bersatu padu dan harmoni. Bukan mudah untuk mengekalkan kemerdekaan ini jika tidak disulami dengan penghayatan dan keinsafan dalam diri setiap warganegara.

6. Kemerdekaan dicapai dengan kekuatan induk orang-orang Melayu dan semangat kebangsaan orang-orang Cina dan India yang bersama-sama berjuang menyingkirkan Inggeris dan merdeka bersama. Kemudian, bersama-sama dengan suku-suku kaum di Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia. Justeru, mari kita **pupuk perpaduan ini, kita kekalkan dan kuatkan demi kedaulatan, kemakmuran dan kehebatan Malaysia** yang kita cintai.
7. Ungkapan hikmat yang digarap oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy, “di atas robohan Kota Melaka, kita dirikan jiwa merdeka, bersatu padulah segenap baka, membela hak keadilan pesaka” seharusnya menjadi azimat kepada kita semua supaya **mengekalkan kemerdekaan negara ini dengan semangat patriotisme dan perpaduan yang jitu.**
8. Semangat **patriotisme bukan sekadar mengibarkan bendera atau menyanyikan lagu kebangsaan.** Ia adalah tentang mencintai dan menjaga negara kita dengan

sepenuh hati. Patriotisme juga bermakna mengambil tanggungjawab untuk membantu dan bertoleransi sesama kita. Perjuangan untuk kemerdekaan **bukan sahaja tentang kebebasan fizikal tetapi juga kebebasan minda dan jiwa.**

9. Kerajaan Negeri Melaka telahewartakan 20 Februari setiap tahun, mulai tahun 2024 sebagai cuti umum bagi negeri itu bagi memperingati Hari Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Negara menggambarkan rasa syukur dan penghargaan terhadap perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dalam memberikan kemerdekaan kepada negara.

Sidang hadirin yang saya hormati,

10. Kita semua tahu yang Malaysia didiami oleh pelbagai bangsa, suku kaum dan etnik dengan pelbagai agama dan kepercayaan. Kepelbagaian ini perlu **dimurnikan dengan memupuk kesefahaman, saling menyantuni, memerangi diskriminasi dan mempromosi nilai toleransi.** Hasilnya pasti menatijahkan keharmonian dan kesepaduan dalam kalangan kaum.
11. Bagi memantau dan mengukur keberkesanan pelaksanaan program dan inisiatif kerajaan terhadap tahap perpaduan dan keharmonian negara, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan Indeks

Perpaduan Nasional (IPNas) sejak tahun 2017. Dapatan menunjukkan peningkatan perpaduan yang memberangsangkan pada setiap tahun. Contohnya, pada tahun 2022, skor yang dicatatkan adalah 0.62 berbanding 0.57 pada tahun 2018. Dapatan ini menunjukkan bahawa **rakyat Malaysia mampu hidup bersama secara aman, damai dan harmoni dalam kepelbagaian masyarakat.**

ARKIB NEGARA MALAYSIA MELESTARIKAN SEJARAH DAN WARISAN NEGARA

Sidang hadirin yang saya hormati,

12. Kerajaan telah berusaha untuk mewujudkan kesepaduan sosial melalui dasar-dasar negara. **Dasar Perpaduan Negara "Perpaduan dalam Kepelbagaian"** yang dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara misalnya merupakan dasar induk yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Dasar ini perlu dijadikan panduan oleh semua rakyat. Mereka juga perlu melibatkan diri dan memainkan peranan dalam usaha untuk mencapai matlamat dasar ini demi kesinambungan generasi akan datang dan mencapai agenda perpaduan di peringkat individu, keluarga dan komuniti.

13. Usaha penganjuran program Jejak 20 Februari 1956 oleh Arkib Negara Malaysia ini merupakan **inisiatif untuk mencapai matlamat Dasar Perpaduan Negara**, di samping untuk mencapai visi dan misinya. Sebagai kementerian yang menaungi Arkib Negara Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong usaha dan inisiatif jabatan dan agensi di bawahnya untuk memperkasakan pengesanan, pengumpulan, pemeliharaan dan memasyarakatkan maklumat dan bahan sejarah dan warisan negara.
14. Meskipun program seumpama ini telah dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya, namun bagi saya ia perlu diteruskan pada setiap tahun mendatang. Ini kerana **menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengingatkan masyarakat** bahawa nikmat hidup dalam keadaan aman dan selesa kini adalah hasil jerih perih pengorbanan pemimpin terdahulu memperjuangkan kemerdekaan tanah air.
15. Program ini mampu menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan untuk **memperkukuhkan penghayatan terhadap kemerdekaan dan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda**. Program ini juga selari dengan visi Kementerian Perpaduan Negara yang menjadi peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama.

16. Pelaksanaan program ini di perkarangan bangunan yang bersejarah dan ikonik kepada kemerdekaan negara ini amatlah signifikan dan bertepatan sekali. Bangunan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (MPK) ini diwujudkan sejak tahun 1985 khusus untuk mengenang dan memperingati jasa dan pengorbanan para pejuang kebebasan dan kemerdekaan negara dari cengkaman penjajah. Memorial ini memperagakan bahan dan maklumat berkaitan kemerdekaan seperti dokumen, gambar, cenderamata, pakaian rasmi, pen, keris, cap mohor dan sebagainya.

17. Bangunan MPK ini juga mempunyai nilai estetika yang unik. Pada asalnya ia merupakan Kelab Melaka (Malacca Club) yang dibina pada tahun 1911. Kedudukannya betul-betul berhadapan dengan Padang Banda Hilir, lokasi YTM Tunku Abdul Rahman Putra mengisytiharkan tarikh kemerdekaan sekembalinya dari London pada 20 Februari 1956. Justeru, ambillah peluang untuk mengunjungi memorial ini bersama keluarga, sahabat handai dan sebagainya, rasai dan hayatilah pengorbanan, jerih perih perjuangan masyarakat terdahulu.

PENUTUP

Sidang hadirin yang saya hormati,

18. Saya percaya penganjuran program pada hari ini mampu mencapai objektifnya dan menjadi pemangkin kepada perpaduan dan cerminan semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara.
19. Justeru, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan program pada hari ini.

Tuan dan puan duduk bersama,
Negeri Melaka damai dan menawan;
Perpaduan tanggungjawab kita semua,
Hargai kemerdekaan perjuangan pahlawan.

20. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut serta lafaz suci Bismillahir Rahmani Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan program **JEJAK 20 FEBRUARI 1956: PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.**

Sekian, terima kasih.